

**Faktor Peningkatan Kes Keganasan dan Penderaan Rumah Tangga di Malaysia dari Perpspektif
Mangsa: Suatu Sorotan Literatur**

*Factors Contributing to the Increase in Domestic Violence and Abuse Cases in Malaysia from the Victim's
Perspective: A Literature Review*

Nur Haziqah Sahira Hamzah, Wafaa' Yusof[✉] & Fitriyani

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia

ABSTRAK

Keganasan dan penderaan rumah tangga di Malaysia merupakan isu serius dengan trend peningkatan kes yang membimbangkan sepanjang tahun. Walaupun perlindungan undang-undang diperuntukkan kepada mangsa, namun statistik menunjukkan bahawa kes keganasan rumah tangga terus meningkat, menandakan wujudnya permasalahan struktural dan sosial yang belum ditangani secara berkesan. Sorotan literatur ini bertujuan menganalisis punca peningkatan kes keganasan dan penderaan rumah tangga di Malaysia dari perspektif mangsa. Fokus diberikan kepada halangan yang dihadapi mangsa dalam menuntut hak perlindungan. Artikel ini menggunakan pendekatan secara tematik terhadap sumber primer dan sekunder termasuk kajian akademik, laporan statistik PDRM, laporan kementerian, serta dapatan kajian NGO berkaitan. Dapatan literatur menunjukkan bahawa peningkatan kes dipengaruhi oleh halangan mangsa mengetahui hak perundangan, halangan budaya dan psikologi, halangan ekonomi dan kebergantungan kewangan serta dominasi wanita sebagai mangsa utama. Implikasi sorotan ini menegaskan keperluan intervensi dasar yang lebih berfokus kepada mangsa bagi memutuskan kitaran keganasan rumah tangga. Secara tidak langsung, kajian ini menyumbang kepada pencapaian (SDG) 5 dan (SDG) 16.

KATA KUNCI

Keganasan rumah tangga, Malaysia, penderaan, perspektif mangsa, wanita.

ABSTRACT

Domestic violence and abuse in Malaysia have shown a worrying upward trend throughout the years, despite the presence of legal protections for victims. This literature review examines the factors driving this increase from the victim's perspective, focusing on barriers that discourage reporting and access to legal protection. Using a thematic method, the study draws from academic research, PDRM statistics, ministerial reports, and findings from NGOs. The literature indicates that women remain the primary victims, often constrained by limited awareness of their rights, cultural expectations, emotional dependence, and financial insecurity. These factors collectively hinder victims from seeking help or pursuing protection under existing laws. Structural challenges such as inadequate institutional support and enforcement gaps further exacerbate the issue. The study calls for more victim centred policies, improved legal awareness, and stronger institutional responses to prevent and reduce domestic violence. Addressing these barriers is crucial to protecting victims, promoting justice, and breaking the cycle of abuse. This research also contributes to the achievement of (SDG) 5 and (SDG) 16.

KEYWORDS

Keywords: Abuse, domestic violence, Malaysia, victim's perspective, woman.

Article History

Received: Jan 5, 2026

Revised: Feb 3, 2026

Accepted: Jun 3, 2026

Published: Jun 15, 2026

Contact

Wafaa' Yusof

(Corresponding Author)

wafaa@ukm.edu.my

Citation

Nur Haziqah Sahira Hamzah, Wafaa' Yusof & Fitriyani. 2026. Faktor Peningkatan Kes Keganasan dan Penderaan Rumah Tangga di Malaysia dari Perspektif Mangsa: Suatu Sorotan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 1(1): 107-112

Copyright


© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Keganasan dan penderaan rumah tangga telah dikenal pasti sebagai antara bentuk keganasan yang majoritinya dari kalangan mangsa wanita. Pertubuhan *World Health Organization (WHO)* melaporkan bahawa satu daripada tiga wanita di seluruh dunia telah mengalami beberapa bentuk keganasan pasangan intim sepanjang hayat mereka. Di Malaysia, isu ini telah menjadi kebimbangan kesihatan awam yang serius, dengan trend peningkatan kes yang membimbangkan sejak sedekad yang lalu. Analisis Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tahun 2020 menunjukkan keganasan rumah tangga memudaratkan mangsa secara fizikal, seksual, emosi, dan ekonomi. Dari sudut statistik jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merekodkan sebanyak 30,228 kes keganasan rumah tangga dari 2020 hingga September 2024, dengan pola turun naik yang ketara khususnya pada tahun 2021 yang meningkat sebanyak 7,468 kes. Justeru, semasa tempoh pasca fasa awal pandemik COVID-19 pada 2022 dan 2023, kes dilihat sedikit menurun dan kembali melonjak kepada 7,116 kes pada 2024. Hal ini menggambarkan rekod tahunan tertinggi bagi tempoh lima tahun tersebut dan mengesahkan bahawa keganasan rumah tangga kekal sebagai isu berterusan dalam masyarakat (OVA, 2024).



Rajah 1 Kes Keganasan Rumah Tangga
Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM), 2024

Rajah 1 menunjukkan trend keganasan rumah tangga yang direkodkan oleh PDRM bagi tempoh 2020 hingga 2024. Corak ini menggambarkan bahawa keganasan rumah tangga merupakan isu berterusan yang dipengaruhi oleh faktor struktur dan sosial pasca pandemik.

Namun, statistik rasmi ini hanya menggambarkan sebahagian kecil daripada realiti sebenar. Kajian prevalens oleh Pusat Penyelidikan Wanita dan Jantina (KANITA), Universiti Sains Malaysia (USM) mendapati bahawa 9 peratus daripada wanita yang pernah berkahwin di Semenanjung Malaysia telah mengalami keganasan dan penderaan rumah tangga pada suatu ketika dalam kehidupan mereka. Sementara Pusat Galen untuk Dasar Kesihatan dan Sosial (*The Galen Centre for Health and Social Policy (OVA)*) memetik data yang dikeluarkan oleh Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan

Morbidity (*The National Health and Morbidity Survey (NHMS)*) pada tahun 2022, melaporkan prevalens keganasan pasangan intim sepanjang hayat sebanyak 7.1 peratus, dengan anggaran 432,089 wanita di Malaysia telah terjejas (OVA, 2023). Oleh yang demikian, jurang yang ketara antara kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa dan prevalens sebenar menunjukkan wujudnya halangan-halangan sistematik yang menghalang mangsa daripada mendapatkan bantuan.

Dari sudut perundangan, Malaysia telah menyediakan kerangka perlindungan melalui undang-undang sivil seperti Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521). Akta ini merupakan pencapaian penting kerana ia mengiktiraf keganasan rumah tangga sebagai isu awam yang serius dan bukannya perkara peribadi keluarga. Akta 521 terpakai kepada semua orang di Malaysia tanpa mengira jantina, bangsa, agama atau status kewarganegaraan, termasuk Muslim dan bukan Muslim (*Women's Centre for Change*, 2023). Akta ini mentakrifkan keganasan rumah tangga secara komprehensif merangkumi tujuh bentuk penderaan:

- a) meletakkan mangsa dalam ketakutan kecederaan fizikal;
- b) menyebabkan kecederaan fizikal;
- c) memaksa mangsa melakukan perbuatan seksual atau sebaliknya tanpa kerelaan;
- d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan;
- e) melakukan kemusnahan atau kerosakan kepada harta;
- f) menyebabkan penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi; dan
- g) menyebabkan mangsa berasa takut terhadap keselamatannya.

Definisi yang luas ini mengiktiraf bahawa keganasan rumah tangga bukan terhad kepada penderaan fizikal sahaja, tetapi merangkumi dimensi psikologi, emosi, seksual dan ekonomi. Sehubungan dengan itu, pindaan 2017 kepada Akta 521 memperkenalkan Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order (EPO)*) yang membolehkan mangsa mendapatkan perlindungan segera tanpa perlu membuat laporan polis terlebih dahulu. Perintah ini boleh dipohon pada bila-bila masa termasuk hujung minggu melalui Talian Kasih (15999) atau dengan mengunjungi pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terdekat, dan sah selama tujuh hari. Selain *EPO*, mangsa juga boleh memohon Perintah Perlindungan Sementara (*Interim Protection Order (IPO)*) dan Perintah Perlindungan (*Protection Order (PO)*) melalui mahkamah.

Di samping itu, hak mangsa keganasan dan penderaan rumah tangga dilindungi melalui Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) serta enakmen keluarga Islam negeri-negeri. Mahkamah syariah di Malaysia memainkan peranan penting memberikan perlindungan yang lebih efektif kepada isteri dan anak-anak yang menjadi mangsa kekerasan dalam rumah tangga. (Ramzi & Yusliha, 2025). Seksyen

52(1)(h) Akta 303 memperuntukkan bahawa seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak berhak mendapat perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan bahawa suami menganiayainya. Keadaan dianiaya ditakrifkan sebagai:

- h) bahawa suami menganiayainya, iaitu, antara lain:
- i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.

Justeru, seksyen ini menyediakan perlindungan terhadap isteri yang menjadi mangsa keganasan dan penderaan suami akan hak untuk menuntut pembubaran perkahwinan sekiranya terbukti bahawa suaminya telah menyakiti dan menjadikan kehidupannya menderita. Menurut seksyen ini, mahkamah syariah telah menerima penderaan fizikal, mental, dan pengabaian nafkah sebagai alasan untuk fasakh dan membenarkan isteri untuk keluar daripada perkahwinan yang memudaratkan.

Selain fasakh, Seksyen 50(1) Akta 303 memperuntukkan bahawa seseorang perempuan yang bersuami boleh memohon pembubaran perkahwinan jika ia berhak mendapatkan cerai menurut syarat-syarat surat perakuan taklik yang dibuat selepas berkahwin. Mangsa boleh memfailkan permohonan cerai taklik dengan mengemukakan bukti bahawa suami telah melanggar perjanjian taklik yang telah dipersetujui semasa perhubungan. Mekanisme ini memberikan isteri cara alternatif untuk keluar daripada perkahwinan yang menyakitkan tanpa perlu melalui proses fasakh yang lebih kompleks.

Oleh yang demikian, walaupun kerangka undang-undang dan perkhidmatan sokongan telah disediakan, jurang yang ketara antara prevalens sebenar dan kes yang dilaporkan menunjukkan masih wujud halangan sistematik yang menghalang mangsa daripada mendapatkan bantuan. Justeru, timbul persoalan sejauh mana faktor pengetahuan, budaya, psikologi dan ekonomi mempengaruhi keputusan mangsa untuk melapor atau berdiam diri.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada dua permasalahan utama yang memberi impak langsung terhadap hak mangsa jenayah keganasan dan penderaan rumah tangga, khususnya dalam konteks perlindungan undang-undang syariah dan sivil. Kedua-dua isu ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan mangsa secara fizikal dan psikologi, malah turut memberi kesan terhadap institusi keluarga secara keseluruhan.

Pertama, isu yang menjadi perhatian utama ialah peningkatan berterusan kes keganasan dan penderaan rumah tangga di Malaysia, sebagaimana ditunjukkan oleh statistik PDRM terkini. Situasi ini mencerminkan bahawa masalah keganasan rumah tangga kekal sebagai cabaran yang serius walaupun pelbagai mekanisme undang-undang telah digubal (PDRM, 2024).

Di sebalik permasalahan pertama, pengabaian hak perlindungan yang telah disediakan oleh undang-undang terhadap mangsa pula menjadi faktor penting menyumbang kepada kelangsungan dan pertambahan kes. Walaupun wujudnya pelbagai peruntukan seperti *EPO*, *IPO* dan *PO*, fasakh, taklik, dan nafkah, sebahagian mangsa masih tidak menuntut hak mereka kerana dipengaruhi pelbagai faktor yang kompleks. (Zaleha Kamaruddin, 2008).

Justeru, pendekatan sorotan literatur yang dikemukakan ini bertujuan menganalisis punca peningkatan kes keganasan dan penderaan rumah tangga mangsa dalam menuntut hak mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Halangan Pengetahuan Mengenai Hak Perundangan

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kekurangan pengetahuan mengenai hak perundangan merupakan antara halangan utama yang menghalang mangsa daripada tampil membuat laporan. Analisis KKM (2020) menegaskan bahawa salah satu masalah besar yang dihadapi masyarakat Malaysia ialah sikap tidak berfikiran terbuka untuk tampil membuat aduan, sebahagiannya berpunca daripada tidak mengetahui bahawa keganasan rumah tangga adalah jenayah dan bukannya isu peribadi semata-mata.

Sehubungan dengan itu, laporan *NHMS* (2022) yang menghimpunkan pengalaman mangsa di Malaysia mendapati ramai mangsa tidak sedar bahawa mereka boleh memohon *IPO* atau *PO*, tidak tahu wujudnya *EPO*, dan keliru tentang peranan JKM, polis dan hospital dalam menyediakan perlindungan. Kajian oleh Nur Saadah et al., (2018) mendapati bahawa mangsa cenderung untuk tidak menuntut hak mereka kerana tidak mengetahui saluran perlindungan yang tersedia.

Penemuan ini selari dengan kajian antarabangsa yang mendapati ramai wanita tidak menghubungi agensi formal kerana tidak tahu wujudnya perkhidmatan, tidak tahu cara mengaksesnya, atau percaya bantuan tidak diperlukan (Fugate et al., 2005). Keadaan ini menggambarkan jurang komunikasi yang signifikan antara sistem perlindungan yang diwujudkan oleh undang-undang dan keupayaan mangsa untuk mengaksesnya. Kegagalan menyampaikan maklumat secara berkesan akhirnya menyumbang kepada kitaran keganasan yang berterusan.

Halangan Budaya dan Psikologi

Faktor budaya memainkan peranan besar dalam mempengaruhi tingkah laku mangsa. Dalam konteks masyarakat Malaysia, konsep ketaatan isteri, stigma isteri derhaka, dan persepsi negatif terhadap perceraian masih kuat berakar. Kajian menunjukkan bahawa ramai mangsa memilih untuk berdiam diri kerana takut dilabel sebagai membuka aib keluarga atau merosakkan institusi perkahwinan. Tambahan pula, campur tangan keluarga dan masyarakat sering

bersifat pasif dengan menganggap keganasan rumah tangga sebagai urusan peribadi (Abdul Ghani, 2016).

Selain itu, kajian oleh Shahar et al., (2020) menyatakan bahawa sikap masyarakat yang condong menerima keganasan dalam keadaan tertentu, seperti memukul isteri untuk mendisiplinkan serta struktur patriarki yang meletakkan lelaki sebagai ketua keluarga, menjadi faktor risiko penting kepada keganasan dan penderaan dalam konteks Malaysia. Dapatan ini disokong oleh NHMS (2022) yang melaporkan bahawa sebahagian wanita menerima tingkah laku mengawal seperti melarang bergaul dengan rakan dan keluarga sebagai tanda sayang, walaupun ia sebenarnya meningkatkan risiko keganasan. Justeru, stigma terhadap perceraian dan status janda menjadikan ramai wanita memilih untuk kekal dalam perkahwinan yang ganas demi mengelakkan penolakan sosial dan menjaga imej keluarga.

Dari sudut psikologi, mangsa sering mengalami perasaan takut, malu, terasing dan hilang keyakinan diri. Teori Kitaran Keganasan oleh Walker (1979) menerangkan bagaimana keganasan berulang melalui fasa pembinaan ketegangan, insiden penderaan dan fasa bulan madu yang mewujudkan harapan palsu kepada mangsa. Dalam konteks ini, konsep *learned helplessness* menjelaskan mengapa sesetengah mangsa kekal pasif walaupun berulang kali mengalami keganasan, terutamanya apabila diasingkan daripada sokongan sosial.

Halangan Ekonomi dan Kebergantungan Kewangan

Kebergantungan ekonomi merupakan faktor dominan yang menghalang mangsa daripada meninggalkan hubungan yang ganas. Ramai mangsa bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami dan bimbang tentang nafkah anak, tempat tinggal dan kelangsungan hidup (Abdul Razak et al., 2022). Model Kuasa dan Kawalan Duluth menjelaskan bahawa penyalahgunaan ekonomi adalah alat utama pelaku untuk mengekalkan dominasi, termasuk mengawal akses kewangan dan menghalang mangsa daripada bekerja.

Menurut kajian Ayob et al., (2023) yang mendapati bahawa keganasan rumah tangga lebih kerap berlaku dalam isi rumah berpendapatan rendah dan dalam kalangan wanita yang tidak mempunyai pendapatan sendiri. Dapatan ini disokong oleh kajian Le et al., (2024) yang menyatakan bahawa tekanan ekonomi dan kenaikan kos sara hidup pasca pandemik turut dikenal pasti sebagai faktor pencetus konflik yang boleh membawa kepada keganasan.

Dalam masa yang sama, penderaan ekonomi yang disengajakan oleh pelaku menjadi mekanisme kawalan yang kuat. Menurut Bakar et al., (2022) mendapati bahawa sebahagian wanita Malaysia pernah dipaksa menyerahkan pendapatan, dihalang bekerja atau dikawal akses kepada wang, namun tidak semuanya menganggap pengalaman tersebut sebagai keganasan kerana ia dinormalisasikan sebagai cara suami mengurus kewangan.


Di samping itu, literatur juga menunjukkan bahawa mangsa yang mempunyai pendapatan tetap tidak semestinya meninggalkan hubungan yang ganas. Faktor emosi seperti cinta, harapan pasangan akan berubah, dan keterikatan psikologi memainkan peranan penting. Justeru, kitaran keganasan sering berlaku terutamanya dalam fasa bulan madu, di mana pelaku mencipta harapan palsu menyebabkan mangsa kekal dalam hubungan (Walker, 1979).

Dominasi Wanita Sebagai Mangsa Utama

Data epidemiologi dan statistik rasmi secara konsisten menunjukkan bahawa wanita merupakan mangsa utama keganasan rumah tangga di Malaysia. Rashidah Shuib et al., (2013) melaporkan bahawa keganasan dan penderaan rumah tangga memberi kesan signifikan kepada kesejahteraan fizikal dan mental wanita, dan majoriti responden kajian mereka adalah mangsa wanita.

NHMS (2022) menganggarkan sekitar 430,000 hingga hampir 500,000 wanita pernah mengalami keganasan pasangan intim sepanjang hayat. Dapatan ini disokong oleh kajian KANITA (2014) yang menganggarkan bahawa sekitar 9 peratus wanita yang pernah berpasangan di Semenanjung Malaysia telah mengalami keganasan rumah tangga (USM, 2014). Selain itu, statistik PDRM bagi tempoh 2020 hingga September 2024 menunjukkan lebih 70 peratus mangsa adalah wanita. Walaupun peningkatan laporan boleh mencerminkan peningkatan kesedaran, literatur mencadangkan bahawa tekanan sosioekonomi dan kesan pasca pandemik turut menyumbang kepada peningkatan insiden sebenar.

Distribution of Domestic Violence Victims by Gender (PDRM)



Rajah 2 Pola Jantina Mangsa

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM), 2024.

Rajah 1 menunjukkan bahawa majoriti mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia adalah wanita, iaitu sekitar 75 peratus, manakala lelaki merangkumi kira-kira 25 peratus daripada jumlah mangsa yang direkodkan. Dapatan ini mengukuhkan literatur sedia ada yang secara konsisten mengenal pasti wanita sebagai kumpulan paling terdedah kepada keganasan pasangan intim.

Di samping itu, Shahar et al., (2020) melaporkan bahawa wanita yang lebih muda, berpendidikan rendah dan berada dalam status sosioekonomi rendah lebih cenderung mengalami keganasan dan penderaan

rumah tangga. Dapatan ini selari dengan KKM (2020) yang menegaskan bahawa faktor seperti pendidikan rendah, tekanan ekonomi, sejarah keganasan dalam keluarga asal dan sikap condong menerima keganasan meningkatkan risiko wanita menjadi mangsa.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel yang mempersembahkan sorotan literatur ini menggunakan kaedah kualitatif secara tematik bagi menganalisis faktor peningkatan kes keganasan dan penderaan rumah tangga di Malaysia dari perspektif mangsa sebagaimana yang diuraikan oleh Creswell (2014) bahawa kajian kualitatif menekankan penerokaan mendalam terhadap makna dan tema yang muncul daripada data.

Sorotan ini melibatkan analisis terhadap sumber primer dan sekunder yang relevan, termasuk artikel jurnal akademik, tesis, laporan rasmi PDRM, laporan kementerian berkaitan, serta penerbitan badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Women's Aid Organisation (WAO)* dan *Women's Centre for Change (WCC)*. Othman Lebar (2009) yang menekankan kepentingan penggunaan bahan dokumen dan teks dalam kajian bersifat normatif. Pemilihan literatur dibuat berdasarkan kesesuaian tema dengan objektif kajian, khususnya kajian yang membincangkan isu keganasan rumah tangga, halangan mangsa dalam membuat laporan, serta mekanisme perlindungan undang-undang di Malaysia.

Literatur yang dipilih dianalisis secara bertema bagi mengenal pasti pola dapatan, persamaan dan perbezaan pandangan, serta jurang kajian dalam literatur sedia ada. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mensintesis dapatan pelbagai sumber bagi memahami isu keganasan rumah tangga secara menyeluruh, terutamanya dari sudut pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh mangsa dalam menuntut hak perlindungan.

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa faktor pengetahuan perundangan, budaya dan psikologi, kebergantungan ekonomi serta dimensi jantina saling berinteraksi dalam mempengaruhi keputusan mangsa keganasan dan penderaan rumah tangga untuk melapor atau berdiam diri.

Walaupun kerangka undang-undang sivil dan syariah di Malaysia menyediakan mekanisme perlindungan yang relatif dan komprehensif, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa hak-hak tersebut tidak dimanfaatkan secara menyeluruh oleh mangsa. Hal yang demikian berkait dengan kelemahan komunikasi dalam sistem perlindungan, tekanan norma sosial dan trauma psikologi yang berpanjangan, serta kebergantungan ekonomi yang mengikat mangsa dalam hubungan yang ganas.

Dari sudut sintesis, literatur menunjukkan bahawa peningkatan kes keganasan rumah tangga tidak boleh ditafsirkan semata-mata sebagai peningkatan pelaporan, sebaliknya mencerminkan

kegagalan sistemik dalam mencegah keganasan berulang dan memutuskan kitaran penderaan. Faktor-faktor ini bukan sahaja menghalang mangsa daripada menuntut hak perlindungan, malah menyumbang kepada normalisasi keganasan dalam institusi keluarga. Justeru, peningkatan statistik kes yang direkodkan perlu difahami dalam konteks struktur sosial dan institusi yang belum sepenuhnya berfungsi secara berpusatkan mangsa.

Di samping itu, terdapat jurang kajian yang signifikan dikenal pasti berdasarkan sorotan literatur. Hal yang demikian menjelaskan bahawa kebanyakan kajian terdahulu memberi penekanan kepada analisis peruntukan undang-undang atau profil pelaku keganasan, manakala perspektif mangsa sering dibincangkan secara terhad dan bersifat deskriptif. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat keterbatasan kajian yang meneliti pengalaman mangsa secara mendalam, khususnya berkaitan proses membuat keputusan untuk melapor atau berdiam diri.

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa faktor pengetahuan perundangan, budaya dan psikologi, kebergantungan ekonomi serta dimensi jantina saling berinteraksi dalam mempengaruhi keputusan mangsa keganasan dan penderaan rumah tangga untuk melapor atau berdiam diri.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menegaskan bahawa peningkatan kes keganasan dan penderaan rumah tangga di Malaysia saling berpunca daripada faktor struktural, budaya, psikologi dan ekonomi yang berkait rapat dan membentuk halangan signifikan kepada mangsa untuk menuntut perlindungan dan keluar daripada kitaran keganasan. Walaupun kerangka undang-undang syariah dan sivil telah menyediakan asas perlindungan, namun keberkesannya amat bergantung kepada keupayaan sistem untuk diakses, difahami dan dimanfaatkan oleh mangsa. Selain itu, literatur juga menunjukkan bahawa peningkatan dan kelangsungan kes keganasan serta penderaan rumah tangga memberi implikasi langsung kepada komitmen Malaysia untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals (SDG)*) khususnya SDG 5 yang menekankan kesaksamaan gender dan penghapusan semua bentuk keganasan terhadap wanita.

Pada masa yang sama, kelemahan akses mangsa kepada maklumat hak perundangan, halangan budaya dan kekangan institusi mencerminkan cabaran terhadap pencapaian SDG 16 yang menuntut keadilan yang mudah diakses serta institusi yang berkesan dan bertanggungjawab dalam melindungi mangsa keganasan rumah tangga. Sorotan ini juga menunjukkan bahawa ketidakupayaan mangsa dalam menuntut hak mereka menyumbang kepada kelangsungan keganasan berulang sekali gus menjelaskan mengapa statistik kes keganasan rumah tangga terus meningkat. Oleh yang demikian, kajian lanjut mengenai perspektif mangsa amatlah

diperlukan bagi memutuskan kitaran keganasan rumah tangga di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Ghani, M., Husin, S., & Mohamad, A. (2017). Isu Keganasan Rumahtangga: Keberkesanan Perkhidmatan Kaunseling Berdasarkan Perspektif Klien Wanita Mangsa Penderaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 14(2).
- Abdul Razak Abd Manaf, A., Zarina Mat Saad, Z., Siti Zubaidah Othman, S., Annuar Aswan Mohd Noor, A., & Faridah Awang, F. (2022). Keganasan Rumah Tangga dan Isu Kewangan: Perspektif Pengamal. *International Journal of Social Policy and Society* 18(1): 71–86.
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Undang-Undang Malaysia, (Akta 521).
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- Ayob, N., Bakar, N.A.B.A. & Mahmud, K.M.F. (2023). Perbezaan di Antara Pendapatan Isi Rumah dan Fenomena Keganasan Rumah Tangga di Malaysia. *Jurnal Akademi Sains* 17(2): 86–94.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. (4th ed.). SAGE Publications.
- Fugate, M., Landis, L., Riordan, K., Naureckas, S., & Engel, B. (2005). Barriers to Domestic Violence Help Seeking: Implications For Intervention. *Violence Against Women* 11(3): 290–310.
- Hoe, T. E. (2014, June 20). Usm News Portal - 9% Of Women Suffer from Domestic Violence. News.usm.my. <https://news.usm.my/index.php/english-news/1954-9-of-women-suffer-from-domestic-violence>
- Institute for Public Health (IPH). (2023). Technical Report National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022: *Maternal and Child Health, Malaysia*.
- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2008). Protecting Muslim women against abuse of polygamy in Malaysia: Legal perspective. *Hawwa: International Journal on Gender Issues in the Islamic World*, 6(2), 176–201.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). (2023). *Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga: Edisi Kedua*. Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Le, L. J., Xin, L. H., Ganeson, T., & Mohamad, S. N. A. binti S. N. (2024). Domestic Violence in Malaysia During Post-Covid-19 Era: Any Legal Solution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(6), 1593–1619.
- Nur Saadah Mohamad Aun, & Nur Shuhada Mohd Mustaffarizan. (2018). Pengetahuan mahasiswa tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(1), 37–42.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ova. (2023, June 20). NHMS Survey: Almost Half a Million Women in Malaysia Have Experienced Intimate Partner Violence. <https://ova.galencentre.org/nhms-survey-almost-half-a-million-women-in-malaysia-have-experienced-intimate-partner-violence/>
- Ova. (2024, December 5). PDRM Recorded 30,228 Cases of Domestic Violence From 2020 to September 2024. <https://ova.galencentre.org/pdrm-recorded-30228-cases-of-domestic-violence-from-2020-to-september-2024/>
- Kadir Shahar, H., Jafri, F., Mohd Zukefli, N. A., & Ahmad, N. (2020). Prevalence of Intimate Partner Violence in Malaysia and its Associated Factors: A Systematic Review. *BMC Public Health* 20(1): 1550.
- Shuib, R., Endut, N., Ali, S. H., Osman, I., Abdullah, S., Oon, S. W., Ghani, P. A., Prabakaran, G., Hussin, N. S., & Shahrudin, S. S. H.. (2013). Domestic violence and women’s well-being in Malaysia: Issues and Challenges Conducting A National Study Using The WHO Multi-Country Questionnaire. *Procedia – Social and Behavioral Sciences* 91: 475–488.
- The Star. (2024 Mac 4). Domestic Violence Cases Surge To Record High In 2024, Ministry Reports. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/domestic-violence-cases-surge-to-record-high-in-2024-ministry-reports>
- Walker, L.E. (1984). *The Battered Woman Syndrome*. Springer. Publishing Company.
- Women’s Aid Organisation (WAO). (2025 Jun 16). Statistics of Domestic Violence in Malaysia. <https://wao.org.my/domestic-violence-statistics/>
- Women’s Centre for Change (WCC). (2023). Domestic Violence: Laws in Malaysia. <https://www.wccpenang.org/domestic-violence-laws-in-malaysia/> [31Disember 2025].
- Zakaria, M. R., & Mohd Yunus, Y. (2025). Keganasan Rumah Tangga: Pencegahan Dan Penyelesaian Dalam Kerangka Syariah. *Jurnal Al-Sirat*, 25(1), 111-120.